

24 MEI 2018

Tujuh penagih kena lapor diri

SINAR HARIAN • KHAMIS 24 MEI 2018

Tujuh penagih kena lapor diri

Kesemua mereka diperintah lapor diri ke pejabat AADK Setiu sebulan sekali

NORADILA MAHAMAD

PERMAISURI

Tujuh individu yang ditahan dalam satu Operasi Perdana di sekitar daerah Setiu didakwa di Mahkamah Majistret Setiu, kelmarin.

Kesemua tertuduh berusia antara 14 hingga 40 tahun itu didakwa di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (rawatan dan pemulihan) 1983 pindaan 1998.

Hukuman dijatuhkan Majistret, Raja Norshuziana Shakila Raja Mamat selepas kesemuanya mengaku salah atas pertuduhan dihadapkan ke atas mereka di mahkamah



Tujuh yang ditahan dalam Operasi Perdana Bilangan 1/2018 dibawa ke Pejabat AADK Setiu.

berkenaan.

Ekoran pengakuan itu, ketujuh-tujuh tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Setiu sebulan sekali antara dua hingga tiga tahun.

Pegawai AADK Setiu, Che Omar Ab Rahman berkata, kesemua tertuduh ditahan dalam satu Operasi Perdana Bilangan 1/2018 pada 27 hingga 28 Mac lalu.

"Operasi melibatkan seramai 60 orang termasuk anggota polis dari Ibu Pejabat

Polis Daerah Setiu, AADK Setiu, AADK Kuala Terengganu dan AADK Kuala Berang.

"Lima daripada yang ditahan berusia antara 30 hingga 40 tahun, manakala dua lagi remaja, masing-masing berusia 14 dan 16 tahun.

"Seramai empat daripada tujuh yang dituduh itu perlu melaporkan diri di AADK Setiu selama tiga tahun manakala dua lagi selama dua tahun," katanya kepada *Sinar Harian*.